

13 MAR 2003

JPN-Semak

SEMUA PPD DIARAH SEMAK SEMULA PELAJAR YANG LAYAK TERIMA BANTUAN

KOTA BAHARU, 13 Mac (Bernama) -- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan mengarahkan semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menyemak semula senarai nama murid-murid miskin di setiap sekolah bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima bantuan pakaian seragam dan peralatan sekolah.

Pengarahnya Datuk Shafii Ismail berkata arahan itu dibuat kerana JPN Kelantan ada menerima aduan yang mendakwa peruntukan sebanyak RM120 bagi seorang pelajar miskin turut diterima pelajar yang tidak memenuhi syarat.

"Saya telah meminta semua PPD dengan kerjasama guru besar menyemak semula agar ia diberikan kepada pelajar yang benar-benar miskin sahaja," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian peruntukan "one off" dan bantuan kepada pelajar miskin sekolah rendah peringkat negeri Kelantan di sini, hari ini.

Shafii bagaimanapun meragui dakwaan itu kerana bantuan itu sebenarnya baru sahaja diagihkan, malah sesetengah PPD masih belum menerimanya.

Beliau berkata penyediaan senarai nama pelajar miskin bagi Kelantan dilakukan penuh berhati-hati dengan keutamaan terhadap latar belakang keluarga, selain perlu disemak semula oleh PPD.

"Terlalu ramai ibu bapa yang mendakwa mereka benar-benar miskin dan anak mereka layak menerima bantuan ini, sebab itu ia perlu dilakukan secara berhati-hati," katanya.

Seramai 87,337 pelajar miskin di seluruh Kelantan menerima bantuan RM120 setiap seorang itu yang membabitkan peruntukan kira-kira RM10.5 juta.

Jumlah bantuan khas itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke Kelantan pada Jan lepas.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata Kelantan adalah penerima terbesar bantuan khas kerajaan itu.

"Kita tidak mahu ada pelajar miskin di Kelantan ini tercicir dan dengan bantuan ini diharapkan akan dapat meringankan bebanan keluarga mereka," katanya.

Mustapa berkata antara sebab utama pelajar Kelantan tercicir dalam pelajaran adalah kerana kemiskinan terutama di kalangan keluarga yang mempunyai bilangan anggota keluarga yang ramai.

Pada majlis itu sebanyak lima PPD iaitu PPD Pasir Mas/Tumpat, PPD Kota Baharu, PPD Tanah Merah/Machang dan PPD Kuala Krai/Gua Musang, membabitkan sebanyak 412 buah sekolah menerima peruntukan itu.

Seramai 100 pelajar sekolah rendah miskin dari daerah ini juga turut menerima bantuan RM100 setiap seorang oleh Umno Bahagian Kota Baharu.

-- BERNAMA

ZI RAR ZB